



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**BILANGAN 4**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)**

**Soalan Berkaitan Haiwan Kesayangan**

**1. Bolehkah COVID-19 berjangkit dari haiwan kesayangan kepada manusia?**

Sehingga kini, tiada penemuan saintifik menunjukkan terdapat jangkitan dari haiwan kesayangan kepada manusia.

**2. Bolehkah Covid-19 berjangkit dari manusia kepada haiwan kesayangan?**

Jangkitan dari manusia kepada haiwan kesayangan adalah sangat rendah dan kes yang dilaporkan sehingga kini adalah terpencil. Namun begitu, tiada kes jangkitan COVID-19 melalui haiwan kesayangan dilaporkan di Malaysia.

**3. Bagaimana Covid-19 boleh berjangkit dari manusia kepada haiwan kesayangan?**

Virus Covid-19 boleh menjangkiti haiwan kesayangan melalui sentuhan langsung dari manusia yang terjangkit atau melalui anggota badan individu yang tercemar.

**4. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pemilik haiwan kesayangan di rumah semasa wabak Covid-19?**

Pemilik haiwan kesayangan dinasihatkan untuk;

- a. Mengamalkan kebersihan diri sepanjang masa;
- b. Membasuh tangan dengan sabun atau bahan nyahkuman sebelum dan selepas menyentuh haiwan kesayangan;

- c. Membersihkan bekas makanan dan minuman, tempat rehat dan bekas najis haiwan kesayangan dengan sabun atau bahan nyahkuman;
- d. Menghadkan pergerakan haiwan kesayangan di luar rumah;
- e. Menghadkan sentuhan langsung termasuk mencium dan memeluk haiwan kesayangan; dan
- f. Memastikan keperluan dan kebajikan haiwan sentiasa terjaga.

**5. Apakah langkah-langkah penjagaan haiwan kesayangan sekiranya pemilik haiwan perlu menjalani kuarantin atau isolasi?**

- a. Sekiranya pemilik menjalani *self-quarantine* di rumah:
  - i. Haiwan kesayangan perlu diasingkan dalam kurungan khas di kawasan yang bersesuaian untuk menghadkan pergerakan dan memudahkan kerja-kerja pemberian makanan kepada haiwan tersebut;
  - ii. Penjagaan haiwan tersebut perlu diserahkan kepada isi rumah yang lain;
  - iii. Penjaga atau pemilik perlu menghadkan sentuhan haiwan kesayangan; dan
  - iv. Penjagaan perlulah mengikut langkah-langkah seperti di no 4.
- b. Sekiranya pemilik dirawat di hospital atau di pusat kuarantin:
  - i. Jika tiada isi rumah yang boleh menjaga haiwan kesayangan, penjagaan haiwan tersebut boleh diserahkan kepada saudara mara atau jiran terdekat;
  - ii. Penjagaan perlulah mengikut langkah-langkah seperti di no 4;
  - iii. Sekiranya saudara mara tinggal berjauhan, surat kebenaran pergerakan untuk menguruskan haiwan perlu diperolehi dari Pejabat Veterinar Daerah terdekat; dan
  - iv. Jika tiada penjaga dan boleh menyebabkan haiwan kesayangan terbiar, pemilik boleh hubungi Jabatan Pekhidmatan Veterinar talian *Hotline* DVS untuk tindakan lanjut.

**6. Apakah gejala-gejala jangkitan sekiranya haiwan kesayangan terjangkit dengan Covid-19 dan langkah-langkah perlu diambil sekiranya haiwan kesayangan menunjukkan gejala Covid-19?**

Gejala-gajala seperti tanda-tanda penyakit pernafasan dan **mempunyai sejarah terdedah secara langsung kepada pesakit Covid-19.**

Langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Asingkan haiwan kesayangan dalam kurungan khas dan hadkan sentuhan langsung dengan haiwan tersebut;
- ii. Pemilik atau penjaga perlu sentiasa memakai topeng muka, membasuh tangan dengan sabun atau nyahkuman sebelum atau selepas menguruskan haiwan tersebut;
- iii. Bersihkan dan nyahkuman kawasan dalam rumah;
- iv. Pastikan keperluan dan kebajikan haiwan sentiasa terjaga; dan
- v. Hubungi Jabatan Pkhidmatan Veterinar talian *Hotline* DVS untuk tindakan lanjut.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
9 APRIL 2020**